

06 JUL 2001

Mahkamah-Anwar

ANWAR DIPERINTAH BAYAR KOS RM18,489 KEPADA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini diperintah oleh Mahkamah Persekutuan membayar kos RM18,489 kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung saman malu RM100 juta yang dikemukakan terhadap Perdana Menteri.

Jumlah itu ditetapkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan S.Kalyana Kumar dalam kamarnya di hadapan peguam Anwar, Karpal Singh dan peguam Dr Mahathir, Fadzilah Mohd Pilus.

Dr Mahathir memohon kos RM102,114.

Pada 23 Feb, Mahkamah Persekutuan menolak dengan kos permohonan Anwar bagi mendapatkan penangguhan untuk beliau merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak saman malu yang dikemukakan terhadap Dr Mahathir.

Anwar memohon penangguhan untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan selepas Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Datuk Dr R.K. Nathan menolak saman itu dengan kos.

Anwar yang memfail saman itu pada Januari 1999, mendakwa Dr Mahathir berbohong dan mempunyai niat jahat dengan memberitahu satu sidang berita di Jabatan Perdana Menteri bahawa beliau telah melakukan perbuatan tidak bermoral.

Dalam pembelaannya, Dr Mahathir berkata beliau bercakap demikian dalam kedudukannya sebagai Perdana Menteri yang mempunyai keistimewaan bersyarat.

Dalam menolak permohonan Anwar bagi mendapatkan penangguhan untuk merayu, Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah yang bersidang bersama Ketua Hakim Malaya Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Abdul Malek Ahmad berkata mereka mendapati hakim Mahkamah Tinggi bertindak dengan betul berhubung isu kewajaran dan keistimewaan bersyarat yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir sebagai pembelaannya.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara 15 tahun setelah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi kerana rasuah dan meliwat.

-- BERNAMA

JA SSA ZS MAI